

Menjejak Raja Bersiong

>>Oleh SAFURI KAMARUDIN
metahad@hmetro.com.my

Kawasan di sekitar Baling ada banyak kaitan dengan kisah legenda itu

BAGI peminat cerita rakyat dan legenda, nama asal Baling sinonim dengan Hikayat Raja Bersiong di sebalik cubaan mengaitkannya dengan panggilan yang dimulakan masyarakat Siam.

Kawasan di sekitar Baling ada banyak kaitan dengan kisah raja bersiong itu yang dikatakan bersemayam di istananya di sebuah tempat bernama Merbau dan mencabut gigi siungnya dengan cara memulas menggunakan tangan, menyebabkan kawasan tempat tinggalnya dinamakan Merbau Pulas yang wujud sehingga hari ini.

Mengikuti kisah rakyat yang diperturunkan daripada generasi ke generasi di Baling, apabila Raja Bersiong mencabut siungnya, dia membalik sekuat hati dan tempat gigi siungnya jatuh dikatakan di Baling.

Satu lagi kisah asal nama Baling tetapi tidak kukuh ialah daerah itu didiami ramai rakyat Malaysia berketurunan Siam sejak dulu lagi.

Diceritakan dulu banyak kera daripada hutan kerap memasuki perkampungan penduduk, menyebabkan daerah itu dikenali sebagai 'Ban Ling' dalam

bahasa Siam yang bermaksud 'kampung kera'. Penduduk berketurunan Melayu pula menyebut 'Ban Ling' sebagai 'Baling'.

Yang pasti, cerita kekejaman Raja Bersiong yang menghisab darah manusia lebih menarik perhatian dan diyakini penduduk Baling lebih dekat dengan bermulanya nama daerah itu.

Namun, catatan Hikayat Merong Mahawangsa dan Sastera Rakyat Negeri Kedah menyatakan Raja Bersiong ialah kisah legenda dan tiada sesiapa dapat membuktikan dengan tepat atau mempunyai bukti fizikal peristiwa itu benar-benar berlaku.

Persoalannya, wujud beberapa nama tempat yang dilihat ada kaitan secara terus dengan kisah berkaitan Raja Bersiong.

Sebagai contoh, jika ke Kampung Lalang, kira-kira 10 kilometer dari Pekan Baling, pengunjung akan melalui satu mercu tanda seakan-akan pintu gerbang berbentuk sepasang siung dalam keadaan menegak yang menjadi ingatan kepada peristiwa Raja Bersiong.

Siapakah Raja Bersiong hingga industri perfileman negara pernah menterjemahkan kisah

ke dalam filem Melayu, lakonan seniman Ahmad Mahmud, Sari-mah dan Nor Azizah pada 1968 serta drama tari bertajuk Raja Bersiong di Dewan Filharmonik Petronas.


Legenda Raja Bersiong ialah gelaran kepada seorang Raja Kedah yang berpusat di Lembah Bujang. Nama sebenarnya ialah Raja Ong Maha Perita Deria iaitu raja keempat keturunan Merong Mahawangsa.

Penulis sempat bertemu seorang warga emas di Baling yang berasal dari Kampung Pokok Setol, Yahya Ramli, 72, yang menurutnya kisah Raja Bersiong diwarisi secara lisan dan generasi lama tidak pernah tahu secara tepat mengenainya tetapi yakin Raja Bersiong dan Baling mempunyai kaitan.

"Itu cerita nenek moyang kami bahawa Raja Bersiong ialah Raja Kedah sebelum zaman Islam yang memakan hati dan darah manusia.

"Ada yang mengatakan dia keturunan Merong Mahawangsa di Langkasuka dan ada juga kata mereka keturunan gergasi.

"Apabila rakyat memberontak (selepas Raja Bersiong membunuh ramai rakyat untuk



MENARIK... lambang siung yang terletak di pintu masuk pekan Kampung Lalang, Mukim Siong menarik perhatian ramai.

darah), Raja Bersiong dan orang setianya melarikan diri ke Kota Aur di Gubir dan membina kubu di sana. Ketika dalam perjalanan itu, dia membuang siung di mulutnya. Siung itu jatuh ke sawah dan tempat itu dinamakan Baling.

"Soalnya di mana kubur Raja Bersiong tak boleh disahkan. Ada yang kata, selepas menetap

sama dikongsi rakannya, Wan Ibrahim Wan Ahmad, 72, pesara askar Wataniah. Wan Ibrahim kelahiran Pattani, Thailand, yang mendakwa kesan tinggalan sejarah Raja Bersiong wujud di satu tempat dikenali sebagai Kubang Jong.

Kubang Jong mendapat nama sempena tempat Raja Bersiong bermain jong atau sejenis

bola. Itu cerita lama pada 1975 dan mungkin sekarang kota itu sudah tumbang atau pokok buluh pula tumbuh meliar," katanya.

Imam Masjid Pokok Setol, Harun Abu Bakar, 84, pula berkata, kisah mitos itu mempopularkan daerah Baling dan Jabatan Hutan Baling mengam-bil inisiatif membina replika

FAKTA Baling, Kedah

- Jarak Mukim Siong dengan Pekan Baling hanya 10 kilometer
- Tanda siung dibina Jabatan Perhutanan terletak di pintu masuk pekan Kampung Lalang sebagai mercu pelancong untuk ke Mukim Siong. Ia juga sebagai tanda arah pelancong untuk ke Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong yang menjadi tarikan pelancong kerana air panas semula jadi
- Kemudahan infrastruktur seperti jalan baru yang menghubungkan Durian Burung ke Kupang melalui Mukim Siong

merancakkan ekonomi penduduk, terutama pada musim buah-buahan tempatan, kerana daerah Baling menjadi pusat buah tempatan untuk dieksport ke luar negara

- Banyak pusat peranginan menjadi tarikan pelancong sebagai daerah pelancongan seperti Lata Bayu, Asam Jawa, Hutan Lipur Bukit Hijau, Galeri Sejarah Pertemuan Chin Peng di Sekolah Rendah Tunku Putera, Lata Che-lak, Kupang, Gua Kelambu dan pendakian Gunung Baling



di Kota Aur, raja itu lari ke Jitra, Kedah ikut Kuala Nerang, Pokok Sena, Nami, Naka yang bersempadan dengan Siam (Thailand), katanya.

Ditanya sama ada dia tahu kewujudan sebuah istana lama di Jitra yang dikatakan milik Raja Bersiong, Yahya berkata, jika itu benar, ia perlu diteliti, direkod dan dipelihara untuk tatapan generasi akan datang.

“Saya sebenarnya teringin dan sudah lama mencari siapa yang boleh menceritakan kisah Raja Bersiong dan apa buktinya. Mesti ada sesuatu yang boleh dibongkar,” katanya.

Kisah

perahu diraja di sebuah kolam air yang terletak di Kampung Luar, Mukim Siong, kira-kira dua kilometer dari pekan Kampung Lalang.

“Ketika masih bertugas dengan pasukan Askar Wataniah, saya pernah masuk ke Kota Aur di Gubir. Kota itu dipercayai milik Raja Bersiong yang dibina daripada buluh yang ditanam rapat. Jika gajah rempuh pun, ia tidak akan tumbang, binatang itu pun tidak akan melepasi deretan pagar buluh.

“Kota itu memang kukuh, kami cuma boleh menyelit masuk ke dalam kota melalui celah pokok buluh berduri. Saiz kawasan kota itu lebih besar daripada saiz padang

sepanjang siung di Kampung Lalang sebagai mercu tanda.

Katanya, replika itu dibina pada awal 1980-an sempena lawatan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad dan kekal sehingga kini.



“

Itu cerita nenek moyang kami bahawa Raja Bersiong ialah Raja Kedah sebelum zaman Islam yang memakan hati dan darah manusia”

>Yahya Ramli
Penduduk: Kampung Pokok Setul

INDAH...pemandangan dari puncak Gunung Baling.